



myPortfolio

**PEGAWAI PENYIASATAN KEBAKARAN
BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN
ZON 2 PERAK**

**BAHAGIAN : BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN
ALAMAT : JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
ZON 2 PERAK
JALAN TAMAN TASIK
34000 TAIPING PERAK**

**NO. TELEFON : 05-8051391
NO. FAKS. : 05-8051730
LAMAM SESAWANG : zon_taiping@bomba.gov.my**

MAKLUMAT PEGAWAI

Nama : Hasna Bin Rashid

Gelaran Jawatan : Pegawai Penyiasatan Kebakaran Zon 2 Perak

Gred Hakiki Jawatan : Penolong Kanan Penguasa Bomba Gred KB32

Tarikh Penempatan : 18hb Januari 2018

DILULUSKAN OLEH

Nama : Johari Bin Mohamed Lazim

Gelaran Jawatan : Ketua Bahagian Penyiasatan Kebakaran Zon 2 Perak

Gred Jawatan : Timbalan Penguasa Bomba Gred KB38

Tarikh : 01hb Jun 2023

BIL.	TARIKH	TAJUK	TANDATANGAN PENYELIA
1.	12hb November 2018	Penyediaan myPortfolio dan Dekrepsi Tugas Pegawai Penyiasatan Kebakaran Zon 2 Perak	
2.	1 Jun 2023	Pertukaran Ketua Cawangan	

Catatan: Ketua Jabatan hendaklah memastikan bahawa myPortfolio dikaji semula dan dikemas kini apabila berlaku sebarang perubahan.

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Carta Organisasi	1 – 2
Carta Fungsi	3
Aktiviti-aktiviti bagi Fungsi	4 – 5
Deskripsi Tugas	6
Proses Kerja Penyiasatan Kebakaran	7 – 16
Proses Kerja Pengkompaunan Kesalahan	16 – 19
Carta Alir Kerja Penyiasatan Kebakaran	20
Carta Alir Kerja Pengkompaunan	21 – 22
Senarai Semak Penyiasatan Kebakaran	23 - 27
Senarai Semak Pengkompauan	28
Senarai Undang-undang, Peraturan dan Punca Kuasa	29 – 30
Senarai Borang	31 – 32
Senarai Jawatankuasa yang Dianggotai	33


1. CARTA ORGANISASI

1.1 Agensi



1.2 Bahagian

CARTA ORGANISASI KEDUDUKAN PEGAWAI



2. CARTA FUNGSI



3. AKTIVITI-AKTIVITI BAGI FUNGSI

1. Menjalan tugas-tugas **PEGAWAI OPERASI** pemadaman dan khidmat khas.
 - 1.1 Hadir @ mengetuai operasi kebakaran besar terutamanya dalam kawasan jagaan Zon 2 Perak
 - 1.2 Hadir @ mengetuai operasi khidmat khas besar @ bencana terutamanya dalam kawasan jagaan Zon 2 Perak
 - 1.3 Tugas pegawai Komander Operasi Kanan, Jawatankuasa Pusat Bencana dan petugas musim perayaan.
 - 1.4 Menghadiri program pengukuhan dan latihan bencana.
 - 1.5 IPPT
 - 1.6 Lawatan, Kit Inspectin dan program pembelajaran di Balai-balai
2. Menjalankan tugas-tugas PEGAWAI PENYIASATAN KEBAKARAN / PEGAWAI KOMPAUN & PEGAWAI PENDAKWA Pejabat Zon 2 Perak.
 - 2.1 Melaksanakan aktiviti-aktiviti PENYIASATAN KEBAKARAN
 - 2.1.1 Bertanggungjawab kepada YS Pengarah JBPM Negeri Perak, Timbalan Pengarah JBPM Negeri Perak, Penolong Pengarah Penyiasatan Kebakaran JBPM Negeri Perak, Ketua Zon 2 JBPM Negeri Perak dan Ketua Bahagian Penyiasatan Kebakaran Zon 2 Perak dalam urusan:-
 - a. Menjalankan tugas menyiasat kebakaran struktur berskala sederhana hingga selesai dalam tempoh **14 hari** dari tarikh berlakunya kebakaran.
 - b. Menjalankan tugas menyiasat kebakaran kenderaan hingga selesai dalam tempoh **14 hari**.
 - c. Menjalankan kerja-kerja menyiasat kebakaran secara berhemah, menjaga keselamatan peralatan penyiasatan kebakaran dan bahan-bahan bukti serta keselamatan pegawai FIO.
 - d. Membuat rakaman bergambar terhadap semua kes-kes penyiasatan kebakaran.
 - e. Membuat salinan gambar-gambar tempat kebakaran dan disimpan di tempat yang selamat.
 - f. Mendapatkan sebarang dokumen, video CCTV dan sebagainya yang berkaitan penyiasatan kebakaran.
 - g. Membuat soal siasat dan rakaman percakapan saksi.
 - h. Menyimpan bahan-bahan bukti di dalam '**container**' yang sesuai dan mengawalselia dengan baik.
 - i. Menjaga disiplin kerja dan menepati keperluan sekatan pendedahan maklumat mengikut Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan Akta Rahsia Rasmi.
 - j. Menghantar laporan penyiasatan kebakaran dan laporan statistik ke Bahagian Penyiasatan Kebakaran Negeri Perak.
 - k. Menghantar bahan bukti atau sample yang diperolehi di tempat kebakaran ke makmal penyiasatan kebakaran yang berhampiran (Kota Kinabalu) untuk dibuat analisa.
 - l. Mendapatkan keputusan ujian bahan bukti atau sample daripada makmal penyiasatan kebakaran.
 - m. Menyiapkan laporan Kertas Penyiasatan Kebakaran (FIR 1, FIR 2, FIR 3, FIR 4, FIR 5, FIR 6, FIR 7, FIR 8), Laporan Punca Kebakaran (LPK1, LPK2 dan LPK3).
 - n. Mendaftarkan kes-kes penyiasatan kebakaran dalam eSPPK dan melengkapkan semua maklumat kes dalam sisten eSPPK.
 - o. Menghadari dan membentangkan laporan penyiasatan dalam jawatankuasa PELAPEK negeri.
 - p. Bertanggungjawab terhadap keselamatan pegawai-pegawai Bahagian Penyiasatan Kebakaran Zon 2 Perak semasa menjalankan tugas penyiasatan kebakaran.
 - q. Bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kebersihan peralatan dan kenderaan penyiasatan Zon 2 Perak.
 - r. Membuat statistik penyiasatan kebakaran Zon 2 Perak dan mengemukakan ke Bahagian Penyiasatan Negeri.

- t. Memantau pelaksanaan penyiasatan kebakaran di balai-balai.
- u. Hadir sebagai saksi pakar di Mahkamah.
- v. Menerima dan melaksanakan arahan dari YS Penolong Pengarah Penyiasatan Kebakaran, Ketua Zon 2 Perak dari masa ke semasa.

2.1 Melaksanakan aktiviti-aktiviti PENGKOMPAUNAN

2.1.1 Terima aduan atau buat rondaan / pemeriksaan premis

2.2.1.1 Terima aduan (Borang KOM 1)

2.2.1.2 Laporan Mengenai Kesalahan Yang Boleh Dikompaun (Borang KOM 2)

2.2.1.3 Keterangan Pegawai Pengkompaun Mengenai Kesalahan Yang Boleh Dikompaun (Borang KOM 3)

2.2.1.4 Notis Tawaran BOMBA 4A

2.2.1.5 Keputusan Menarik Balik Notis Tawaran Untuk Mengkompaunkan Kesalahan (Borang KOM 4)

2.1.2 Keluarkan Notis Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan

2.2.2.1 Keterangan Pegawai Pengkompaun Mengenai Kesalahan Yang Boleh Dikompaun (Borang KOM 3)

2.2.2.2 Notis Tawaran BOMBA 4A

2.2.2.3 Keputusan Menarik Balik Notis Tawaran Untuk Mengkompaunkan Kesalahan (Borang KOM 4)

2.1.3 Menyampaikan Borang BOMBA 4A secara serahan tangan atau berdaftar

2.2.4 Merekodkan Notis Pengeluaran Kompaun ke dalam Buku Rekod Utama Butir-butir Kompaun

2.1.4 Melaporkan kepada KPP / PPN BPK menggunakan Borang KOM 6 sekiranya kompaun tidak dibayar

2.2.6 Memantau pelaksanaan pemeriksaan pengeluaran Notis Kompaun di Zon 2 Perak, BBP Taiping, BBP Kamunting, BBP Selama, BBP Batu Kurau, BBP Bagan Serai, BBP Parit Buntar, BBP Kuala Kurau, BBP Lenggong, BBP Gerik dan BBP Pengkalan Hulu

2.2.7 Memantau statistik aktiviti pemeriksaan pengeluaran Notis Kompaun di Zon 2 Perak, BBP Taiping, BBP Kamunting, BBP Selama, BBP Batu Kurau, BBP Bagan Serai, BBP Parit Buntar, BBP Kuala Kurau, BBP Lenggong, BBP Gerik dan BBP Pengkalan Hulu

4. DESKRIPSI TUGAS

*Maklumat ini boleh diperolehi daripada PSM agensi

MAKLUMAT UMUM			
GELARAN JAWATAN	PEGAWAI PENYIASATAN KEBAKARAN	KETUA PERKHIDMATAN	YS PENGARAH JBPM NEGERI PERAK
RINGKASAN GELARAN JAWATAN	FIO	KEDUDUKAN DI WARAN PERJAWATAN	
GRED JAWATAN	KB32	BIDANG UTAMA	PENYIASATAN KEBAKARAN
GRED JD	-	SUB-BIDANG	PENGKOMPAUN KESALAHAN
STATUS JAWATAN	TETAP	DISEDIAKAN OLEH	PKPgB HASNA BIN RASHID
HIRARKI 1(BAHAGIAN)	BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN	DISEMAK OLEH	TPgB MOHD AZMAN BIN HUSSIN @ HASAN
HIRARKI 2 (CAWANGAN/SEKTOR/UNIT)	ZON 2 PERAK	DILULUSKAN OLEH	YS PENGARAH JBPM NEGERI PERAK
SKIM PERKHIDMATAN	PENOLONG KANAN PENGUASA BOMBA	TARIKH DOKUMEN	12HB NOVEMBER 2018
TUJUAN PEWUJUDAN JAWATAN			
PEGAWAI PENYIASATAN KEBAKARAN DI BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN ZON 2 PERAK			
AKAUNTABILITI		TUGAS UTAMA	
MELAKSANAKAN SEMUA AKTIVITI DAN TUGAS PENYIASATAN KEBAKARAN DAN PENGKOMPAUNAN KESALAHAN DI KAWASAN JAGAAN ZON 2 PERAK		MENJALANKAN KERJA-KERJA PENYIASATAN KEBAKARAN DAN MENJALANKAN AKTIVITI PENGKOMPAUNAN KESALAHAN DI KAWASAN JAGAAN ZON 2 PERAK	
DIMENSI			
PENYIASATAN KEBAKARAN DAN PENGKOMPAUNAN KESALAHAN MELIBATKAN SELURUH KAWASAN JAGAAN ZON 2 PERAK YANG TERDIRI DARIPADA 10 BUAH BALAI (TAIPING, KAMUNTING, SELAMA, BATU KURAU, BAGAN SERAI, PARIT BUNTAR, KUALA KURAU, LENGKONG, GERIK, PENGKALAN HULU) DAN MELIBATKAN 3 DAERAH (DAERAH LARUT MATANG & SELAMA, DAERAH KERIAN, DAERAH HULU PERAK)			
KELAYAKAN AKADEMIK/IKHTISAS			
IJAZAH SARJANA MUDA (KEPUJIAN) – SAINS KEMASYARAKATAN (ANTROPOLOGI & SOSIOLOGI) – USM PULAU PINANG DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK PERHUBUNGAN – POLITEKNIK UNGKU OMAR IPOH PERAK SIJIL KEJURUTERAAN ELEKTRONIK PERHUBUNGAN – POLITEKNIK SULTAN ABDUL HALIM MU' ADZAM SHAH JITRA KEDAH DIPLOMA SAINS KEBOMBAAN – AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA – WAKAF TAPAI TERENGGANU			
KOMPETENSI			
KEBOLEHAN MEMIMPIN DAN MENJADI KETUA KEBOLEHAN MELAKSANAKAN TUGAS DALAM MASA YANG DITETAPKAN DAN MASA YANG TERHAD KEBOLEHAN MENYELESAIKAN MASALAH DAN MEMBUAT KEPUTUSAN PENGAWALAN YANG MINIMA DARI PENYELIA DAN KETUA CEPAT MENERIMA DAN MAHIR MELAKSAKAN SESUATU PELAJARAN BARU			
PENGALAMAN			
04.06.2007 – 04.05.2009 - PEGAWAI OPERASI NEGERI - BAHAGIAN OPERASI JBPM W.P. LABUAN 06.10.2008 – 06.04.2009 - MENANGGUNG KERJA PENOLONG PENGARAH OPERASI NEGERI - BAHAGIAN OPERASI JBPM W.P. LABUAN 07.04.2009 – 01.03.2010 - MENANGGUNG KERJA KETUA CAW. PUSAT GERAKAN OPERASI - BAHAGIAN OPERASI JBPM W.P. LABUAN 15.06.2009 – 30.11.2009 - KETUA BALAI BOMBA - BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT LAYANGAN W.P LABUAN 02.03.2010 – 04.05.2010 - PEGAWAI CAWANGAN PENGURUSAN OPERASI DAN BALAI - BAHAGIAN OPERASI JBPM W.P. LABUAN 05.05.2010 – 14.07.2010 - KETUA CAWANGAN PUSAT GERAKAN OPERASI NEGERI - BAHAGIAN OPERASI JBPM W.P. LABUAN 15.07.2010 – 19.12.2010 - PEGAWAI CAW. PERAKUAN BANGUNAN - BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN JBPM NEGERI PERAK 20.12.2010 – 17.01.2018 - KETUA BALAI BOMBA - BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT TAIPING PERAK 18.01.2018 – SEKARANG -PEGAWAI PENYIASATAN KEBAKARAN – BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN ZON 2 PERAK			

5. PROSES KERJA

PROSES KERJA **BAGI AKTIVITI PENYIASATAN KEBAKARAN**

BIL.	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA	PEGAWAI LAIN YANG ADA HUBUNGAN / DIRUJUK	UNDANG-UNDANG / PERATURAN DAN PUNCA KUASA
A		PERINGKAT PERSEDIAAN		
1	FIO	Pemeriksaan dan Penyelenggaraan Peralatan serta Kenderaan a) Periksa kenderaan dijagaan pasukan sepertimana Senarai Semak Bagi Pemeriksaan dan Pengujian Kenderaan Penyiasatan Kebakaran. b) Periksa peralatan penyiasatan kebakaran dijagaan pasukan sepertimana Senarai Semak Bagi Pemeriksaan dan Pengujian Peralatan Penyiasatan Kebakaran.Ganti peralatan penyiasatan yang rosak termasuk bekas-bekas untuk penyimpanan sampel bahan bukti yang kotor. c) Selenggara kenderaan penyiasatan kebakaran dijagaan pasukan. Rujuk JBPM/PS24:Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan	CFIO CFIO CFIO	
B		PERINGKAT PEMAKLUMAN DAN ARAHAN PENYIASATAN		
2		Memaklumkan Kejadian Kebakaran a) Sahkan tentang kejadian kebakaran sama ada melibatkan struktur atau kenderaan kepada pegawai bertuas di Bilik Kawalan. b) Maklumkan kepada Pusat Gerakan Operasi (PGO) tentang kejadian kebakaran sama ada melibatkan struktur atau kenderaan. c) Maklumkan kejadian kebakaran struktur atau kenderaan me	KO PBK	Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil. 3 Tahun 2011

		apa-apa alat komunikasi dalam tempoh 30 minit kepada: i-Jika kebakaran sederhana, maklum kepada CFIO Zon ii-Jika kebakaran besar, maklum kepada CFIO Negeri d) Maklumkan kebakaran besar kepada PPN BPK dengan segera. e) Maklumkan kebakaran besar kepada PKP BPK dalam tempoh 1 jam f) Sekiranya kebakaran kecil, tidak perlu maklum. Penyiasatan akan dilakukan oleh Ketua Pasukan atau Ketua Keluaran sebagai CFIO	PGO CFIO Negeri PPN BPK PBK/KO	
3	FIO	Buka Kertas Penyiasatan Kebakaran (KPK) dan Jalankan Siasatan a) Buka Kertas Penyiasatan Kebakaran. Rekod di dalam Buku Daftar Penyiasatan Kebakaran. Keluar Ke lokasi kebakaran sebaik menerima makluman daripada PGO: i-Jika kebakaran kecil, Ketua Pasukan atau Ketua Keluaran sebagai CFIO ii-Jika kebakaran sederhana, CFIO di Zon Bomba dan Penyelamat akan mengetuai pasukan penyiasatan iii-Jika kebakaran besar, CFIO di JBPM atau CFIO Ibu Pejabat JBPM akan mengetuai pasukan penyiasatan.	KO/CFIO Zon/CFIO Negeri/CFIO Ibu Pejabat	Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil. 3 Tahun 2011
C		PERINGKAT AMBIL MILIK PREMIS		
4	FIO	Mengambil Milik Premis a) Dapatkan pengesahan tentang status operasi tamat daripada KO sebelum memulakan tugas-tugas penyiasatan kebakaran. b) Tentukan keperluan pengambilan milik premis untuk menjalankan penyiasatan: i- Jika tidak perlu, teruskan aktiviti penyiasatan. ii-Jika perlu, jalankan proses mengambil milik premis. Rujuk Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil.2/2011-Mengambil Milik Premis dan Harta Lain Akibat Kebakaran. c) Tentukan jenis pengambilan milik premis:	CFIO/FIO CFIO/FIO	Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil. 2 Tahun 2011

		i-Jika mengambil milik premis atau sebahagian premis, isi notis mengambil milik premis menggunakan Borang Milik ii-Jika mengambil milik sisa-sisa harta atau benda, isi notis mengambil milik sisa-sisa harta dan benda menggunakan Borang Milik 2 dan Borang Mengambil Milik Sisa-Sisa Harta atau Benda. d) Pasangkan sawar-sawar dan tampal notis Mengambil Milik Premis e) Kawal sebarang aktiviti keluar masuk premis yang telah diambil milik menggunakan Borang Kebenaran Masuk. f) Rekod aktiviti keluar masuk premis yang telah diambil milik menggunakan Buku Rekod Harian Mengambil Milik Premis dan Harta Lain. g) Tanggalkan sawar-sawar dan notis. Serah semula premis atau sisa-sisa harta benda yang telah diambil milik setelah penyiasatan selesai dengan menggunakan Surat Penamatan dan Penyerahan Mengambil Milik Premis atau Sisa-Sisa Harta Benda. Rujuk Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil.2/2012-Mengambil Milik Premis dan Harta Lain Akibat Kebakaran.	CFIO/FIO FIO FIO FIO CFIO/FIO	
D		PERINGKAT PENGUMPULAN DATA-DATA DAN BAHAN BUKTI		
5	FIO	Mengenalpasti Tempat Bermula Kebakaran a) Dapatkan maklumat awal daripada Komander Operasi, pemunya atau pemilik premis dan saksi orang awam yang melihat kebakaran. b) Jalankan pemeriksaan menyeluruh di kawasan luar premis dan di dalam premis. c) Kenalpasti tempat bermula kebakaran melalui: i-Corak Kebakaran 'Fire Pattern' ii-Keterangan awal saksi d) Dapatkan gambar-gambar keadaan kebakaran, corak kebakaran dan rakaman video (jika ada) e) Ukur dan lakarkan tempat kejadian dengan tepat berkenaan rekabentuk serta susunatur luar dan dalam bangunan.	CFIO/FIO CFIO/FIO CFIO/FIO FIO	Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil. 3 Tahun 2011

		Dapatkan pelan arkitek dan pelan M&E premis. f) Rekod semua maklumat am dan data-data awal bagi Para (a) hingga Para (b) menggunakan borang-borang berikut: i-Kebakaran Struktur Borang FIR 1 Borang FIR 2 Borang FIR 3 ii-Kebakaran Kenderaan Borang FIR 1 Borang FIR 4	FIO FIO	
6		Penyiasatan oleh Unit Pengesan (K9) a) Tentukan keperluan bantuan daripada Unit Pengesan: i-Jika tidak perlu, teruskan aktiviti penyiasatan ii-Jika perlu, dapatkan khidmat unit pengesan dengan menghubungi KUP sama ada melalui telefon atau faks. b) Hantar Unit Pengesan ke tempat kejadian dan jalankan pengesanan. Rujuk prosedur Unit Pengesan. c) Kemukakan laporan penyiasatan oleh Unit Pengesan kepada CFIO dengan menggunakan Format UPBP 1.	CFIO/FIO KUP/Handler KUP	
7	FIO	Menjalankan 'Excavation' a) Jalankan 'excavation' di tempat bermula kebakaran bagi mendapatkan sumber nyalaan, 'first fuel ignited' b) Jalankan 'fire scene reconstruction' bagi membantu mendapatkan bahan bukti di tempat kejadian. c) Rekod maklumat bagi Para (a) dan Para (b) menggunakan FIR 2 dan FIR 4	CFIO/FIO CFIO/FIO FIO	Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil. 3 Tahun 2011
8	FIO	Mengumpul dan Memproses Bahan Bukti a) Nilai, kenalpasti dan ambil langkah awal bagi memelihara bahan-bahan bukti yang terdapat di tempat kejadian. b) Kumpul, bungkus dan labelkan semua bahan-bahan bukti serta simpan di tempat yang selamat. Rujuk Prosedur Memproses Bahan Bukti, Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil 3/2011 c) Rekod dan catatkan maklumat bahan-	CFIO/FIO FIO FIO	Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil. 3 Tahun 2011

		bahan bukti menggunakan Borang FIR 5.		
9	FIO	Menjalankan Soal Siasat Saksi - Kenalpasti identiti saksi-saksi yang perlu dan berkaitan bagi mendapatkan maklumat kebakaran. - Tetapkan temujanji dan panggil saksi-saksi untuk hadir sesi soal siasat dengan menggunakan Borang Saksi 1. - Jalankan soal siasat saksi. Rujuk prosedur menyoal siasat saksi, Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil.3/2011 - Rekod keterangan saksi-saksi menggunakan perakam suara dan catat segala maklumat yang diperolehi dalam Borang FIR 6. - Saksi-saksi yang telah disoal siasat dan tidak diperlukan lagi hendaklah dilepaskan dengan menggunakan Borang Saksi 2.	CFIO/FIO FIO CFIO/FIO FIO FIO	Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil. 3 Tahun 2011
E		PERINGKAT PENGANALISAAN DATA-DATA DAN PENENTUAN PUNCA		
10	FIO	Membuat Analisa Kebakaran Mangsa - Tentukan status dan tahap kecederaan mangsa dengan mengambil gambar, lakaran kedudukan mangsa. Dapatkan laporan post mortem mangsa daripada Hospital, pihak PDRM atau keluarga mangsa. - Analisa kebakaran mangsa dan catatkan maklumat kebakaran mangsa dengan menggunakan Borang FIR 7	CFIO/FIO FIO	Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil. 3 Tahun 2011
11	FIO	Membuat Analisa Anggaran Kerugian dan Diselamatkan - Tentukan tahap kemusnahan kebakaran dan kemusnahan api premis dengan mengambil gambar, lakaran susunatur, barang-barang dan peralatan. - Anggarkan kerugian premis yang terbakar dan yang diselamatkan. Rujuk prosedur membuat anggaran kerugian, Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil.3/2011	CFIO/FIO FIO	Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil. 3 Tahun 2011

[illegible]

		Penganalisaan Bahan Bukti di MPK, Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil 3/2011 b) Rekodkan dan kawal pergerakan bahan bukti "chain of custody" menggunakan Kad Pergerakan Bahan Bukti untuk memastikan integriti setiap bahan bukti. c) Jalankan pemerihalan ke atas setiap bahan bukti yang dihantar ke MPK menggunakan Borang Pemerihalan Bahan Bukti. d) Kemukakan Laporan Makmal Penyiasatan Kebakaran kepada CFIO setelah selesai proses analisa dengan menggunakan Format MPK 2	KMPK/PMPK KMPK	
15	FIO	Membuat Hipotesis a) Sediakan hipotesis asas, hipotesis kerja dan hipotesis alternatif tempat bermula kebakaran dengan menggunakan Borang FIR 2	CFIO/FIO	Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil. 3 Tahun 2011
16	FIO	Menguji Hipotesis a) Uji hipotesis-hipotesis dengan mengenalpasti sumber nyalaan di tempat bermulanya kebakaran dengan menggunakan Borang FIR 2	CFIO/FIO	Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil. 3 Tahun 2011
17	FIO	Memilih Hipotesis Akhir a) Tentukan Tempat Bermula Kebakaran, Sumber Nyalaan dan Punca Kebakaran setelah penilaian dan penganalisaan dibuat dan direkod menggunakan Borang FIR 2	CFIO/FIO	Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil. 3 Tahun 2011
F		PERINGKAT PENYEDIAAN LAPORAN		
18	FIO	Melengkapkan Kertas Penyiasatan Kebakaran (KPK) dan Laporan Penyiasatan Kebakaran (LPK)/Laporan Penyiasatan Kebakaran (LPK) Semula a) Kumpulkan semua maklumat yang diperolehi dan lengkapkan KPK b) Tentukan dan sediakan laporan-laporan berikut untuk dimasukkan ke dalam KPK: i-Laporan Punca Kebakaran bagi semua jenis kes menggunakan Format LPK 1 ii-Laporan Penyiasatan Kebakaran Kes Sengaja Dibakar menggunakan Format LPK 2	CFIO/FIO CFIO/FIO	Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil. 3 Tahun 2011

		iii-Laporan Tindakan Penyiasatan Kebakaran kecuali bagi kes kecil menggunakan Format LPK 3 iv-Laporan Penyiasatan Kebakaran bagi kes yang melibatkan agensi pendakwa menggunakan Format LPK 4		
19	FIO	Mengemukakan KPK dan LPK Semula kepada PPN PK a) Kemukakan KPK dan LPK atau LPK Semula yang telah disediakan kepada PPN PK untuk disemak menggunakan format surat, Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil 3/2011 b) Semak KPK dan LPK atau LPK Semula yang dibuat oleh CFIO sebelum disahkan dan dihantar kepada PBN atau PKP PK	CFIO/FIO PPN PK	Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil. 3 Tahun 2011
20	FIO	Keperluan Penyiasatan Kebakaran Semula a) Sekiranya perlu, arahkan CFIO menjalankan siasatan semula menggunakan format surat, Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil 3/2011 b) Sediakan LPK Semula dalam tempoh empat belas hari (14) dari tarikh surat arahan diterima.	PPN PK CFIO/FIO	Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil. 3 Tahun 2011
21	CFIO	Mengemukakan KPK kepada PKP PK a) Kemukakan KPK Kebakaran Besar kepada PKP PK dalam tempoh 14 hari. i- Kebakaran Besar-KPK, LPK 1, LPK 2, LPK 3 atau LPK 4 melalui PPN PK	PPN PK	Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil. 3 Tahun 2011
22	CFIO	Membuat Ulasan LPK 3 dan Mengemukakan kepada JK PELAPEK a) Sediakan ulasan terhadap LPK 3 yang dikemukakan oleh CFIO dan kemukakan LPK 3 yang perlu untuk penilaian oleh JK PELAPEK	PPN PK/PKP PK	Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil. 3 Tahun 2011
23	CFIO	Cadangan Baikpulih oleh JK PELAPEK a) Kenalpasti kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki dan kemukakan cadangan penambahbaikan di dalam LPK 3 b) Sekiranya mendapati keperluan untuk tindakan naikpulih, keluarkan surat arahan kepada Bahagian-Bahagian atau JBP Negeri. c) Sekiranya cadangan tindakan baikpulih diluar bidang kuasa JK PELAPEK, surat	JK PELAPEK JK PELAPEK KP	Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil. 3 Tahun 2011

27	CFIO	Merekod dan Menyimpan KPK ke BPK Negeri - Hantar semua KPK yang telah disemak ke BPK Negeri untuk direkod dan disimpan - Terima KPK daripada PKP PK dan PBN. Catat dan lengkapkan rekod di dalam Buku Daftar Penyiasatan Kebakaran - Masukkan KPK yang diterima ke dalam fail hijau dan simpan di dalam kabinet besi berpaling dan berkunci.	PKP PK/PBN PPN PK PPN PK	Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil. 3 Tahun 2011
28	CFIO	Menghantar Perangkaan Penyiasatan Kebakaran ke Ibu Pejabat JBPM - Hantar Perangkaan Penyiasatan Kebakaran ke BPK, Ibu Pejabat sebelum atau pada 10 haribulan setiap bulan seperti berikut: - Perangkaan Penyiasatan Kebakaran Struktur menggunakan Format PPK 1 - Perangkaan Penyiasatan Kebakaran Kenderaan menggunakan Format PPK 2	PPN PK	Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil. 3 Tahun 2011

PROSES KERJA
BAGI AKTIVITI PENGOMPAUNAN KESALAHAN

BIL.	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA	PEGAWAI LAIN YANG ADA HUBUNGAN / DIRUJUK	UNDANG-UNDANG / PERATURAN DAN PUNCA KUASA
A		ADUAN		
1		Terima aduan - Lengkapkan Borang KOM 1 - Buka fail - Serahkan kepada PPK	Pegawai Bomba	Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil. 1 Tahun 2011
2		Semakan Semak Borang KOM 1 dan fail Arahkan pemeriksaan	Ketua Pegawai Pengkompaun (KPP) / Pegawai	
3		Pemeriksaan		


		dan kemukakan kepada Penolong Pengarah Negeri Bahagian Penyiasatan Kebakaran	Pengkompaun (PP)	
B		PEMERIKSAAN		
1		Pemeriksaan a) Jalankan pemeriksaan dan dapatkan bahan bukti berkaitan kesalahan b) Catitkan butiran kesalahan di dalam Borang KOM 3	Pegawai Pengkompaun (PP)	Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil. 1 Tahun 2011
2		Mengkompaun kesalahan a) Sekiranya berpuashati dengan maklumat dan pembuktian, keluarkan BOMBA 4A, b) Buka fail bagi setiap kesalahan dan segala maklumat dimasukkan di dalam fail berkenaan.	Pegawai Pengkompaun (PP)	
3		c) membuat pemakluman kepada KPP mengenai tindakan yang telah dilakukan.		
4		Merekod Pengeluaran Kompaun a) Merekodkan pengeluaran BOMBA 4A ke dalam Buku Rekod Utama Butir-butir Kes Kompaun	Ketua Pegawai Pengkompaun (KPP)/Pegawai Pengkompaun (PP)	
		Menjelaskan Kompaun a) Sekiranya kompaun dijelaskan proses tamat b) Sekiranya kompaun tidak dijelaskan mengikut tarikh yang ditetapkan, lengkapkan Borang KOM 6 dan kemukakan kepada Penolong Pengarah Negeri Bahagian Penyiasatan Kebakaran	Pegawai Pengkompaun (PP) Ketua Pegawai Pengkompaun (KPP)/Pegawai Pengkompaun (PP)	
C		PERANGKAAN		

28		Menghantar Perangkaan Pengkompaunan ke Ibu Pejabat JBPM Negeri a) Hantar Perangkaan Pengkompaunan ke BPK, Ibu Pejabat Negeri sebelum atau pada 5 haribulan setiap bulan seperti berikut:	PPN PK	Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil. 1 Tahun 2011

6. CARTA ALIR


CARTA ALIRAN KERJA **BAGI AKTIVITI PENYIASATAN KEBAKARAN**

CARTA ALIRAN MENJALANKAN KERJA PENYIASATAN KEBAKARAN



CARTA ALIRAN KERJA


BAGI AKTIVITI PENGOMPAUNAN KESALAHAN



CARTA ALIRAN KERJA

BAGI AKTIVITI PENGOMPAUNAN KESALAHAN

PROSES KOMPAUN (PEMERIKSAAN)



7. SENARAI SEMAK

SENARAI SEMAK / CHECKLIST **BAGI AKTIVITI PENYIASATAN KEBAKARAN**

BIL	PROSES KERJA	TANDAKAN	CATATAN
	A.BERSEDIA DI UNIT SIASATAN KEBAKARAN		
1.	Terima Arahan Menyiasat Arahan daripada Komander Operasi melalui Bilik Kawalan Negeri untuk menjalankan kerja-kerja penyiasatan kebakaran di lokasi.	☐	
2.	Bertolak Ke Lokasi Kejadian Bertolak ke lokasi dengan menaiki van UPK. Lapor ke Bilik Kawalan Negeri bagi keluaran anggota dan kenderaan yang terlibat ke lokasi kejadian.	☐	
	B. SAMPAI DI TEMPAT KEJADIAN		
3.	Terima Taklimat Terima taklimat dari KOP tentang kejadian: i. Keadaan kebakaran ii. Cara pemadaman iii. Mangsa yang terlibat iv. Permasalahan semasa operasi	☐	
4.	Penilaian Membuat penilaian tahap kebakaran, daripada jenis kebakaran yang berlaku samada melibatkan kebakaran struktur ataupun kenderaan.	☐	
5.	Jalankan Siasatan Menjalankan kerja-kerja penyiasatan kebakaran di lokasi kejadian:	☐	

	i. Proses mengambil gambar di lokasi kejadian: -Luaran (External) -Dalam (Internal)		
	ii. Membuat / menjalankan kajian luaran (External Investigation).		
	iii. Membuat / menjalankan kajian dalaman (Internal Investigation).		
	iv. Menjalankan kerja-kerja soal siasat ke atas Saksi Menggunakan Borang FIR6.		
	v. Membuat lakaran plan: -Plan Lokasi -Plan Kawasan -Plan Lantai (Bagi Kebakaran Premis)		
	vi. Menjalankan kerja-kerja / proses pemugaran.		
6.	Penilaian		
	Menentukan “ Fire Origin ” bagi setiap kes kebakaran Menentukan punca kebakaran (Fire Sorce):		
	i. Accidental Fire: (a) Terdapat 1 Fire Origin di lokasi.		
	(b) Kebiasaannya kebakaran melibatkan dapur gas memasak, pendawaian elektrik, peralatan elektrik, api dari peralatan sembahyang, ubat nyamuk, puntung rokok, kilat dan sebagainya.		
	ii. Incendiary Fire (Arson) (a) Penentuan lebih daripada 2 Seat Of Fire di lokasi.		

BIL	PROSES KERJA	TANDAKAN	CATATAN
	(b)Penggunaan alatan Gas Detector jenis Kitagawa bagi menjalankan ujian awal kehadiran accelerant di tempat kejadian. (c) Bantuan daripada Unit K9 bagi mengesan Accelerant. Setiap bahan bukti yang ditemui di lokasi Fire Origin akan ditanda dan direkodkan gambarnya menggunakan kamera digital dan analog untuk tujuan simpanan. Kesemua bahan bukti tersebut akan dibawa balik ke Makmal Penyiasatan Kebakaran bagi tujuan analisa dan untuk simpanan.		
7.	Daftarkan Kes Mendaftarkan kes ke dalam Buku Daftar Kes bagi setiap kes yang dihadiri. Mendaftarkan gambar-gambar di lokasi kejadian ke dalam Buku Daftar Gambar bagi tujuan rekod. Mendaftar soal siasat saksi-saksi ke dalam Buku Daftar Soal Siasat Saksi. Membuka dan mendaftar fail berstatus SULIT bagi setiap kes untuk tujuan penyimpanan rekod penyiasatan kebakaran.		
8.	Serah Sampel Pada Makmal Menyerahkan setiap sample yang diambil kepada Makmal Penyiasatan Kebakaran bagi tujuan analisa lanjut menggunakan Borang FIR 4A.		

BIL	PROSES KERJA	TANDAKAN	CATATAN
9.	Terima Keputusan Ujikaji Sampel Menerima keputusan Ujikaji Makmal daripada Makmal Penyiasatan Kebakaran melalui Borang FIR 4B dalam tempoh 14 hari.		
10.	Tentukan Punca Menentukan punca kejadian secara muktamad melalui perbincangan bersama Pegawai Penyiasat dan juga daripada pihak makmal.		
11.	Keluarkan Surat Laporan Punca Mengeluarkan Surat Laporan Punca Kebakaran (SLPK) ke Ibu Pejabat Negeri.		
12.	Sediakan Laporan Lengkap Menyediakan Laporan Lengkap Penyiasatan Kebakaran (LPK 1) bagi setiap kes dalam tempoh 14 hari.		
13	Menjalankan Proses Penilaian Laporan Penyiasatan Kebakaran Menjalankan Proses Penilaian Laporan Penyiasatan Kebakaran untuk mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki dan seterusnya memberi syor yang perlu diambil dengan menggunakan Borang Siasat 4 .		

BIL	PROSES KERJA	TANDAKAN	CATATAN
14	i. Jika tidak puashati (a) Menjalankan Penyiasatan Semula sekiranya Pegawai Melantik tidak berpuashati dengan laporan-laporan penyiasatan yang dibuat (rujuk siasat 4 dari JK PELAPEK) dengan melantik Pegawai Penyiasat yang baru dengan mengisi Borang Siasat 6. (b) Menyediakan Laporan Penyiasatan Semula dalam tempoh 14 hari setelah menerima Borang Siasat 5 dengan menggunakan Lampiran Tambahan Mengemukakan Laporan Penyiasatan Kebakaran Semula kepada Pegawai Melantik dengan menggunakan Borang Siasat 7. ii. Jika berpuashati (a) Mengemukakan langkah-langkah yang perlu diambil dengan menggunakan Borang Siasat 5 oleh Ketua Balai / Penguasa Zon kepada PN/TPN/PPN.		
15	Penyimpanan Menyimpan Laporan dan hasil Penyiasatan Kebakaran ke daalm fail Penyiasatan Kebakaran (SULIT).		

SENARAI SEMAK / CHECKLIST
BAGI AKTIVITI PENGKOMPAUNAN KESALAHAN

BIL	PROSES KERJA	TANDAKAN	CATATAN
1	Terima Aduan (a) Buka Fail & isi KOM. 1 serah kepada KPP (b) Buat pemeriksaan & isi KOM.2 kepada KPP (c) Isi KOM 3 (d) Lengkapkan Notis Tawaran Kompaun BOMBA 4A (e) Serahkan Notis Tawaran Kompaun BOMBA 4A (f) Rekodkan butir-butir maklumat di dalam Buku Utama Butir-butir Kes Kompaun dan maklumkan kepada KPP. (g) Kemukakan KOM 6 kepada PPN sekiranya bayaran tidak dibuat selepas tamat tempoh.	☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐	
2	Secara Pemeriksaan (a) Buka Fail & isi KOM. 3 serah kepada KPP (b) Lengkapkan Notis Tawaran Kompaun BOMBA 4A (c) Serahkan Notis Tawaran Kompaun BOMBA 4A (e) Rekodkan butir-butir maklumat di dalam Buku Utama Butir-butir Kes Kompaun dan maklumkan kepada KPP. (g) Kemukakan KOM 6 kepada PPN sekiranya bayaran tidak dibuat selepas tamat tempoh.	☐ ☐ ☐ ☐ ☐	
3	Buka Fail Setiap kes kompaun hendaklah dibuka fail dan segala maklumat termasuk Borang KOM yang berkaitan ,Notis tawaran dan bahan bukti hendaklah disimpan di dalam fail.	☐	

8. SENARAI UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PUNCA KUASA

PERATURAN-PERATURAN PENTADBIRAN **BAGI AKTIVITI PENYIASATAN KEBAKARAN**

1. Pegawai Penyiasat mestilah mempunyai perwakilan kuasa bagi melakukan siasatan kebakaran di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988 iaitu Seksyen 5 (1) (b) dan Seksyen 45 Mematuhi Arahan Penyiasatan kebakaran Bil 4 tahun 2011: Perwakilan Kuasa.
2. Premis yang hendak dibuat siasatan hendaklah diambil milik terlebih dahulu oleh Ketua Balai/ Ketua Pasukan Penyiasat yang telah diwakilkan kuasa. Mematuhi Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil 2 tahun 2011 : Mengambil Milik Premis dan Harta Lain Akibat Kebakaran.
3. Keanggotaan setiap Pasukan Penyiasat Kebakaran hendaklah sepertimana ditetapkan Arahan Penyiasat Kebakaran Bil 3 tahun 2011.
4. Kerja-kerja Penyiasatan Kebakaran dan Laporan Penyiasatan Kebakaran hendaklah dilaksanakan sepertimana ditetapkan di dalam Arahan Penyiasat Kebakaran Bil 3 tahun 2011.
5. Laporan Penyiasatan Kebakaran hendaklah disiapkan dalam tempoh 14 hari selepas siasatan dimulakan.
6. Rujukan:
 - 6.1 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341)
 - 6.2 Akta Keterangan 1950 (Akta 56)
 - 6.3 Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 (Akta 676)
 - 6.4 Kanun Keseksaan (Akta 574)
 - 6.5 Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593)
 - 6.6 Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil.2/2011: Mengambil Milik Premis dan harta Benda Akibat Kebakaran.
 - 6.7 Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil.3/2011: Pelaksanaan Penyiasatan Kebakaran
 - 6.8 NFPA 921: Guide for Fire Investigation & Explosion 2011 Edition
 - 6.9 NFPA 1033: Standard for Professional Qualifications for Fire Investigator
 - 6.10 Kir's Fire Investigation by DeHaan, 6th Edition
 - 6.11 Forensic Fire Scene Reconstruction by Icove and DeHaan
 - 6.12 Fire Invertigation : Niamh Nic Daeid
 - 6.13 Fire and Exploition Determining Cause ang Origin by John Kennedy
 - 6.14 Fire Dynamics by Gregory E.Gorbett ang James L.Pharr
 - 6.15 Scientific Protocol of Fire Investigation by John Lantini
 - 6.16 Practical Fire ang Arson Investigation by Redsicker ang O'Connor 1997, 2nd Edition
 - 6.17 Ignition Handbook by Vytenis Babrauskas, Fire Science Publishers

PERATURAN-PERATURAN PENTADBIRAN
BAGI AKTIVITI PENGKOMPAUNAN KESALAHAN

1. Pegawai Pengkompaun mestilah seorang pegawai yang diberi kuasa pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988 untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan di bawah Seksyen 59.
2. Kuasa-kuasa untuk mengeluarkan kompaun adalah tertakluk kepada Seksyen 59, Akta Perkhidmatan Bomba 1988, Peraturan-peraturan Perkhidmatan Bomba (Pengkompaunan Kesalahan) 2000 [P.U. (A) 313/2000], dan Peraturan-peraturan Perkhidmatan Bomba (Pengkompaunan Kesalahan) (Pindaan) 2004 – [P.U. (A) 281/2004].
3. Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun adalah sepertimana yang tertakluk di dalam Peraturan 2 [P.U. (A) 313/2000] dan Peraturan 2 [P.U. (A) 281/2004], kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah subseksyen-subseksyen 23(4), 25(2), seksyen-seksyen 26, 47, 51, 52 dan 55 dan menurut Peraturan 7A Peraturan-peraturan Perkhidmatan Bomba (Perakuan Bomba) (Pindaan) 2002 [P.U. (A) 334/2002], kesalahan-kesalahan boleh dikompaun adalah sepertimana di Subperaturan 3(5), 5(3) dan 6(2) atau kesalahan-kesalahan lain yang ditetapkan oleh mana-mana peraturan dari masa ke semasa.
4. Kadar kompaun yang boleh dikenakan adalah tidak melebihi RM500.00 sepertimana yang diperuntukkan di dalam Seksyen 59, Akta Perkhidmatan Bomba 1988.
5. Tempoh habis hendaklah tidak lebih awal daripada 30 hari daripada tarikh borang BOMBA 4A diserahkan atau dihantar kepada orang yang ditawarkan kompaun.
6. Setiap tawaran kompaun hendaklah disampaikan kepada orang yang ditawarkan kompaun itu menurut cara yang ditetapkan di bawah Seksyen 61, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan Arahan Penguatkuasa Bil. 1/1998: Penyampaian Notis dan Dokumen. Tawaran pengkompaunan kepada mana-mana pemunya kenderaan yang tidak dapat ditemui pada masa kesalahan itu dilakukan, hendaklah disampaikan menurut cara yang sama.
7. Rujukan:
 - 6.1 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341)
 - 6.6 Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil. 1/2011: Pengkompaunan Kesalahan.

9. SENARAI BORANG

Bil.	BORANG	KOD BORANG
1.	Buku Daftar Penyiasatan Kebakaran	Buku Daftar
2.	(Fail Hijau) JBPM/PS/BPK :800(S)-3/2/...	Fail SULIT
3.	(Fail Merah) Kertas Penyiasatan Kebakaran	KPK
4.	Senarai Peralatan Penyiasatan Kebakaran	Lampiran 3A
5.	Kad Data Bahan Bukti	Lampiran 4A
6.	Pelekat Keselamatan	Lampiran 4B
7.	Buku Log Pergerakan Bahan Bukti	Lampiran 4C
8.	Surat Menghendaki Saksi Hadir Memberi Keterangan	Borang Saksi 1 (format surat)
9.	Surat Melepaskan Saksi Setelah Mengambil Keterangan	Borang Saksi 2 (format surat)
10.	Borang Pemerihalan Bahan Bukti	Lampiran A
11.	Borang Permohonan Ujian Makmal	Borang MPK 1
12.	Laporan Ujian Makmal	Borang MPK 2
13.	Surat Mengemukakan Laporan Penyiasatan kepada PBN	Lampiran 7 (format surat)
14.	Surat Membuat Penyiasatan Semula Kepada CFIO	Lampiran 8 (format surat)
15.	Surat Mengemukakan Laporan Penyiasatan Semula kpd PBN	Lampiran 9 (format surat)
16.	Pemakluman Awal Mengenai Kes Sengaja Dibakar(Incendiary Fire)	Lampiran 10A (format surat)
17.	Laporan Penyiasatan Kebakaran bagi Kes Sengaja Dibakar kpd Polis	Lampiran 10 (format surat)
18.	Surat Langkah-Langkah Pembaikpulih Hasil Daripada Laporan Penyiasatan Kebakaran	Lampiran 11 (format surat)
19.	Surat Cadangan Pembaikpulih Hasil Daripada Laporan Penyiasatan Kebakaran	Lampiran 12 (format surat)
20.	Punca Kebakaran Dan Sumber Nyalaan	Jadual 1
21.	Laporan Mengenai Punca Kebakaran	LPK 1
22.	Laporan Penyiasatan Kebakaran Bagi Kes Sengaja Dibakar	LPK 2
23.	Laporan Tindakan Penyiasatan Kebakaran	LPK 3
24.	Cadangan Langkah-langkah Pembaikpulih Hasil Daripada Penemuan Penyiasatan Kebakaran	Lampiran A
25.	Laporan Penyiasatan Kebakaran	LPK 4

26.	Laporan Penyiasatan Oleh Unit Pengesan	Borang UPBP-1
27.	Maklumat Am	Borang FIR 1
28.	Kebakaran Struktur	Borang FIR 2
29.	Pengurusan Keselamatan Kebakaran	Borang FIR 3
30.	Kebakaran Kenderaan	Borang FIR4
31.	Borang Bahan Bukti (Evidence)	Borang FIR5
32.	Keterangan Saksi	Borang FIR6
33.	Kebakaran Mangsa	Borang FIR7
34.	Anggaran Kerugian Akibat Kebakaran	Borang FIR8
35.	Buku Rekod Harian Mengambil Milik Premis Dan Harta Lain	Lampiran 1
36.	Surat Mengambil Milik Premis/Bahagian Premis Akibat Kebakaran	Lampiran 2 (format surat)
37.	Surat Penamatan Dan Penyerahan Mengambil Milik Premis/Sebahagian Premis Akibat Kebakaran	Lampiran 3 (format surat)
38.	Surat Mengambil Milik Sisa-sisa Harta atau Benda Akibat Kebakaran	Lampiran 4 (format surat)
39.	Surat Penyerahan Laporan Mengambil Milik Sisa-Sisa Harta Atau Benda Akibat Kebakaran	Lampiran 5 (format surat)
40.	Surat Sisa-Sisa Harta Atau Benda Akibat Kebakaran Dijadikan Bahan-bahan Bukti	Lampiran 6 (format surat)
41.	Borang Kebenaran Masuk Ke Premis Diambil Milik	Lampiran 7
42.	Notis Mengambil Milik Premis Akibat Kebakaran	Borang MILIK 1
43.	a) Notis Mengambil Milik Sisa-sisa Harta atau Benda Akibat Kebakaran b) Borang Mengambil Milik Sisa-sisa Harta atau Benda Akibat Kebakaran	Borang Milik 2

10. SENARAI JAWATANKUASA YANG DIANGGOTAI

<i>Bil</i>	<i>Jawatankuasa Yang Dianggotai</i>	<i>Jenis Keanggotaan</i>	<i>Kekerapan Mesyuarat</i>
1.	PELAPEK	Ahli	4 X setahun